

Para hadirin dan penuntun sekalian.

9. Saya sungguh menghargai ikrar yang telah di lafazkan oleh Dato Mohamed Rahmat tadi, bagi menggembelinkan sumber-sumber di Kementerian Penerangan, agar RTM dapat memberi khidmat yang lebih baik kepada rakyat. Saya sedar, bahawa banyak lagi yang diperlukan oleh Kementerian nya, bagi mencapai matalamat ini. Saya harap, semua pihak akan membantu dan bekerjasama dengan Kementerian ini, bagi mengatasi masalah-masalah yang wujud. Saya suka melihat, perkhidmatan radio dan talivisyen, dapat di terima dan di nikmati di seluruh pelusuk tanah air kita, dengan lebih mudah dan berkesan.